

# Bukukan pengalaman angkasawan pertama negara

U.M m/s 10  
Oleh TALIB SAMAT

18.10.07

PELANCARAN roket Soyuz TMA11 pada pukul 9.21 malam 10 Oktober 2007 di tapak pelancaran roket Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan yang disertai oleh anak watan Malaysia bernama Dr. Sheikh Muszaphar Shukor merupakan detik penting dalam sejarah penyelidikan sains khususnya bidang aeroangkasa.

Penglibatan anak watan Malaysia sejak 50 tahun kemerdekaan negara sebagai seorang angkasawan pertama negara dalam penjelajahan ke angkasa lepas yang tentunya melibatkan kos yang besar merupakan sejarah gemilang negara di bidang teknologi angkasa lepas.

Publisiti dan liputan meluas oleh pihak media cetak dan media elektronik negara ini sama ada yang berbahasa Melayu, Inggeris, Tamil, Mandarin atau suku kaum di Sabah dan Sarawak terhadap peristiwa bersejarah ini akan mencetuskan kesan tersendiri dalam memupuk dan mendidik masyarakat meminati bidang sains dan teknologi khususnya ae-

roangkasa yang merupakan bidang baru di negara ini.

Tentunya daripada kelompok tertentu 10 juta rakyat Malaysia yang menonton peristiwa itu tentunya meliputi golongan kanak-kanak, remaja, belia dan dewasa tanpa mengira bangsa dan keturunan pastinya teruja dengan peristiwa bersejarah itu yang menanam cita-cita untuk menjadi seorang angkasawan mahupun pakar sains angkasa pada suatu hari kelak.

Peristiwa bersejarah itu diharap akan meninggalkan kesan positif dan psikologi yang mendalam di jiwa para remaja mahupun pelajar sekolah untuk bertungkus-lumus belajar dalam bidang sains di sekolah untuk menjadi seorang angkasawan.

Bukan sesuatu yang mustahil Dr. Sheikh Muszaphar Shukor akan menjadi ikon atau idola rakyat Malaysia untuk menjadi seorang angkasawan mahupun saintis yang berjaya dalam mengangkat citra, imej dan martabat umat Islam betapa mereka boleh duduk sebaris dengan bangsa yang maju seperti Rusia dan Amerika Syarikat dalam penguasaan bidang

angkasa lepas.

Penonjolan Dr. Sheikh Muszaphar sebagai ikon dan idola rakyat Malaysia dalam penguasaan ilmu sains dan aeroangkasa sejajar dengan usaha-usaha kerajaan menjadikan Malaysia pusat tamadun ilmu dan tumpuan umat Islam.

Kepulangan Dr. Sheikh Muszaphar kelak dari Misi Nasional ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) dengan pelbagai kisah dan pengalaman berada di angkasa lepas untuk dikongsi bersama dalam siri ceramahnya nanti akan membuka minda dan fikiran rakyat Malaysia khususnya golongan pelajar dan profesional untuk berlumba-lumba mencari dan menguasai ilmu aeroangkasa yang masih sangat kurang diketahui dan dikuasai oleh rakyat Malaysia.

Sejajar dengan hasrat menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020, penghantaran lebih banyak misi angkasawan Malaysia pada masa akan datang yang akan diteruskan oleh Dr. Faiz Khaleed dan individu-individu lain tentunya lebih menguntungkan rakyat Malaysia untuk mempelajari dan menguasai

bidang ilmu yang masih baru ini.

Penglibatan Malaysia dalam bidang aeroangkasa tentunya akan lebih mendedahkan banyak manfaat kepada negara ini meskipun kosnya besar. Negara ini boleh memperhebatkan bidang penyelidikan perubatan di angkasa lepas mahupun untuk mengetahui cuaca, pertahanan, sistem komunikasi dan sebagainya untuk mengangkat martabat imej dan keunggulan Malaysia berbanding negara-negara ASEAN, OIC dan Komanwel yang lain.

Adalah disarankan angkasawan pertama negara, Dr. Sheikh Muszaphar menulis kisah pengalamannya dalam bentuk buku untuk memudahkan masyarakat Malaysia mengikuti detik-detik kehidupannya sebagai seorang angkasawan di angkasa lepas yang tidak kesemua daripada berjuta-juta rakyat Malaysia berpeluang menikmatinya sendiri.

Pembacaan kisah pengalaman benarnya dalam bentuk buku akan menjadi motivasi berharga kepada rakyat Malaysia yang lain untuk berjaya seperti beliau.